

Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia

Mansor Mohd Noor*

Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: mansormohdnoor@yahoo.com

ABSTRAK

Perbincangan tentang Tuhan dan agama terbuka luas untuk dimanipulasi dan diselewengkan oleh manusia hingga boleh membawa kepada kesengsaraan, kezaliman, penindasan dan kehancuran hidup manusia itu sendiri. Kajian telah menunjukkan rakyat Malaysia mungkin berbeza dari segi etnik, budaya dan agama tetapi perbezaan ini tidak primordial atau asas dan mereka diikat oleh ikatan kewarganegaraan dan berkongsi pendapat awam yang sama. Namun, di sebalik kejayaan mengurus masyarakat pelbagai etnik, budaya dan agama ini hingga lahir kemakmuran dan kesejahteraan di negara ini tidak boleh diambil sambil lewa kerana struktur politik kita mempunyai kontradiksi yang tersendiri. Penulis berpendapat kita perlu memahami makna, ciri-ciri, rasional dan pendorong yang ada tentang kenapa kelompok agama bertindak secara ekstremisme perlu diperbahas dan diperjelaskan. Kegagalan memahami imaginasi agama yang mudah terbuka kepada manipulasi manusia berkepentingan hingga berlaku ekstremisme dan keganasan telah menyebabkan masalah ini tidak dapat ditangani dengan baik. Penulis berpendapat kita mesti memperkasa individu bukan sahaja dengan wacana wahyu tetapi juga dengan kerangka pemikiran saintifik untuk memahami agama agar kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan dunia dan akhirat dapat dijamin dan bukan menjadi tukang pak turut orang lain. Pengajian agama mesti disepadukan dengan ilmu sains sosial dan sosiologi agama.

Katakunci: *wacana wahyu, kesejahteraan masyarakat, manipulasi manusia berkepentingan, sosiologi agama*

Understanding and Managing Religious Extremism in Malaysia

ABSTRACT

Discourses on god and religion are opened to manipulation and deviant act by man resulting in misery, tyranny, exploitation and the destruction to his own very life. Studies show that Malaysians may differ from one another by ethnic, culture, and religion but these differences are not primordial or primary in nature and they are bonded together as citizens and have a value consensus on public opinions. Despite this success story in managing a multi-ethnic, culture and religion that produces prosperity and societal well-being in the country, one should be at ease as Malaysian political structure is contradictory in nature. The author believes that we need to understand the meanings, their characteristics, the rationality and the prevailing motivation as to why religious groups' act in extremism should be further discussed and explained. The failure to understand this religious imagination which is easily opened to self-centered human manipulation that could lead to the acts of extremism and violence has caused this problem not to be addressed effectively. The author believes that we should empower the individual not only with revealed knowledge but also with a framework of scientific thought in order to understand religion so that prosperity, societal well-being and peace can be guaranteed; and not just a blind follower of others. Religious study thus has to be integrated with social sciences and, especially, the sociology of religion.

Keywords: *revealed knowledge, societal well-being, self-centered human manipulation, sociology of religion*

PENDAHULUAN

Perlu kita sedar artikel ini bukan cuba menghukum agama tetapi satu percubaan untuk memahami kuasa imaginasi agama dalam kehidupan masyarakat di mana ada segelintir manusia memperolehi penyelesaian hidup mereka melalui ekstremisme dan keganasan melalui dimensi agama. Agama mempunyai pengaruh sebagai alat integratif dalam masyarakat di mana kegiatan beragama mempunyai nilai fungsional kepada kesejahteraan hidup manusia, di mana ia berperanan mengatur sistem moral dan sosial masyarakat itu. Sarjana dari dulu lagi berpendapat dimensi agama mempunyai peranan untuk membentuk manusia menjadi pendorong, pengatur dan penjana pembangunan tamadun di muka bumi ini.

Tetapi perbincangan tentang Tuhan dan agama terbuka luas untuk dimanipulasi dan diselewengkan oleh manusia hingga boleh membawa kepada kesengsaraan, kezaliman, penindasan dan kehancuran hidup manusia itu sendiri.

SENARIO DI MALAYSIA

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai lebih daripada 200 suku etnik. Kebanyakan etnik ini pula memiliki budaya, bahasa dan agama yang berbeza. Perbezaan ciri-ciri kelompok ini tidak semestinya membentuk hubungan di antara satu individu dengan individu lain dari kumpulan yang berbeza ini akan berakhir dengan konflik.

Pengalaman perjalanan sejarah negara ini telah membuktikan perbezaan etnik, budaya dan agama, mungkin boleh melahirkan suasana salah-faham, ketegangan dan juga konflik tetapi gambaran itu hanya mampu menjelaskan sebahagian kecil dari kehidupan rakyat dan perjalanan sejarah negara ini.

Pengalaman konflik dengan Komunis Parti Malaya, 13 Mei, Al Arqam, konflik agama di Kampong Rawa, Demonstrasi Jalan Pergerakan Reformasi, Tuntutan Pilihan Raya Suqui, Al Ma'unah, konflik sosial di Kampong Medan dan kegiatan parti politik pembangkang terutama Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) ada masanya telah mencetus ketegangan dalam masyarakat. Ada insiden-insiden ini yang telah membawa kepada pertumpahan darah, tetapi kejadian sosial sebegini bukan perkara yang biasa berlaku. Jika pertumpahan darah berlaku pun, ia tidak merebak ke kawasan yang luas dan berpanjangan. Seringkali dapat kita perhatikan insiden konflik sosial ini dapat diatasi dengan baik hingga masyarakat kembali normal dalam jangka masa enam bulan selepas itu.

Namun, kemampuan parti-parti politik dari pelbagai etnik untuk berkongsi kuasa berteraskan kepentingan kebudayaan masyarakat setempat telah menjamin kuasa pemerintahan negara kekal stabil hingga ke hari ini semenjak kemerdekaan dicapai dalam tahun 1957 lagi. Kestabilan politik telah melahirkan sebuah kerajaan yang telah mampu membawa dan mengagih hasil pembangunan yang telah dirancang dan dilaksanakan itu untuk dikecapi bersama oleh rakyat negara ini tanpa mengira perbezaan etnik, budaya dan agama.

Kajian telah menunjukkan rakyat Malaysia mungkin berbeza dari segi etnik, budaya dan agama tetapi perbezaan ini tidak primordial atau asas dan mereka diikat oleh ikatan kewarganegaraan dan berkongsi pendapat awam yang sama (Mansor Mohd Noor, 1999a).

Namun, di sebalik kejayaan mengurus masyarakat pelbagai etnik, budaya dan agama ini hingga lahir kemakmuran dan kesejahteraan di negara ini tidak boleh diambil sambil lewa kerana struktur politik kita mempunyai kontradiksi yang tersendiri. Hasil pembangunan negara masih menyisih kelompok miskin

tanpa mengira etnik dan pemisahan jurang sosial di antara bandar dan desa masih wujud lagi. Manakala pergolakan di peringkat global yang memisahkan negara kaya dengan negara miskin mengikut pemisah barat-selatan dan Kristian-Islam boleh membuka ruang untuk kumpulan ekstremisme etnik, nasionalisme dan agama mengembeling parameter agama dan Tuhan untuk menegakkan kepentingan dan perjuangan hidup mereka. Atas dasar ini, saya berpendapat kita perlu memahami makna, ciri-ciri, rasional dan pendorong yang ada tentang kenapa kelompok agama bertindak secara ekstremisme perlu diperbahas dan diperjelaskan.

Terror in the Mind of God

Juergensmeyer (2001) dalam buku bertajuk di atas cuba memahami kebangkitan ekstremis dan keganasan agama di peringkat global dari pendekatan kebudayaan. Beliau tidak mengutamakan hujah ekstremisme agama sebagai disebabkan oleh kesesatan agama ideologi politik atau berlakunya serpihan dalam agama seperti fundamentalisme agama.

Walau bagaimanapun, tanpa menafikan pentingnya penganalisaan rantaian sebab-akibat berlakunya ekstremisme agama dikaitkan dengan pengaruh-pengaruh geo-politik semasa, beliau berpendapat kewujudan aliran keganasan yang telah sedia wujud di dalam imaginasi agama itu sendiri perlu dikaji dengan lebih mendalam. Kegagalan memahami imaginasi agama yang mudah terbuka kepada manipulasi manusia berkepentingan hingga berlaku ekstremisme dan keganasan telah menyebabkan masalah ini tidak dapat ditangani dengan baik.

Pengaruh-pengaruh geo-politik perlu dilihat apabila suasana sejarah, lokasi sosial dan pandangan hidup semasa itu bertindih dengan faktor politik, sosial, dan ideologikal yang bergerak seiringan dengan manifestasi keganasan yang lahir dari aspirasi sosial, maruah diri dan pergerakan perubahan politik yang tidak tercapai dan dipinggirkan (Singh, 2003).

Namun saya, seperti juga Juergensmeyer, lebih berminat untuk memahami set minda mereka yang terlibat secara langsung dan mereka yang mendokong tindakan ekstremisme dan keganasan agama itu; pembentukan imaginasi agama pada pelaku dan pergerakan- komuniti ekstremisme agama itu. Oleh itu, kita perlu memahami idea-idea yang menjadi pegangan dan pembinaan pergerakan-komuniti yang menjadi pendokong dibelakang pelaku ekstremisme agama itu dan bukan pelaku ekstremisme agama itu semata-mata.

Pelaku dan pergerakan-komuniti ini adalah mereka yang terlibat dalam ekstremisme agama ini, terperangkap dalam komuniti luar biasa dan berkongsi sama pandangan hidup yang ekstremisme.

Perlu kita sedar wujudnya perbezaan di antara kenyataan ‘apa Tuhan kata’ dengan kenyataan ‘apa manusia kata Tuhan kata’; yang pertama bersifat mutlak dan kedua bersifat tafsiran, relatif dan spekulatif. Ini bermakna wacana manusia tentang Tuhan dan agama tidak semestinya menjadi murni dan baik. Wacana manusia tentang hal ini adalah hanya tafsiran dan bukan mutlak. Namun begitu, kita perlu sentiasa sedar bahawa agama di dalam kehidupan kita tidak semestinya menjadi penyebab berlakunya ekstremisme dan keganasan; agama, kadang-kadang, menjadi alat yang manusia laungkan demi mengejar ganjaran dunia dan menyelesaikan masalah hidup mereka.

Merasionalkan Ekstremisme Agama

Pelaku dan pergerakan-komuniti yang mendokongi ekstremisme agama ini pasti akan melakukan apa sahaja sekiranya mereka ‘mendapati’ apa yang mereka lakukan itu ‘direstui’ atau wujud dalam ‘minda Tuhan’ dan agama. Pada masa itu mereka dan pergerakan-komuniti mereka adalah, masing-masing, sebagai wakil dan wahana bagi Tuhan untuk melaksanakan perintahNya di muka bumi ini. Tindakan

mereka tanpa mengira kesan kegagalan atau membunuh orang lain, diyakini akan diberi ganjaran pahala di akhirat dan jika mereka mati, syurga dan bidadari pasti menunggu kepulangan mereka; konsep mangsa sudah tidak wujud lagi dan hanya untung dikira pasti datang (Kurtz, 1995 & Simmel, 1971).

Set minda agama sedemikian saya panggil ‘kekompong kerohanian’ bagi menggambarkan satu keadaan di mana pelaku yang terlibat merasakan apa yang mereka kata dan buat menepati kehendak Tuhan. Kekompong kerohanian sedemikian mempengaruhi mereka yang terperangkap dengan masalah ini untuk tidak perlu bertolak ansur dengan pandangan dan kehendak orang lain kecuali mengutamakan cita-cita perjuangan mereka sendiri yang menepati ‘Jadual Tuhan’ dengan ganjaran syurga menanti mereka di akhirat.

‘Kekompong kerohanian’ yang terbina ini mempunyai kuasa tersendiri di luar jangkaan akal. Mereka yang terperangkap dengan ‘kekompong kerohanian’ ini boleh melanggar segala tuntutan batas autoriti politik harian dan menaik-taraf tafsiran ideologi agama yang mereka pegang itu ke puncak kerohanian; di luar batas kemampuan manusia. Perilaku ekstremisme agama di kalangan pelaku dan pergerakan-komuniti terlibat dianggap sempurna kerana ia dikaitkan dengan perspektif agama mendokong tuntutan moral dan bersifat mutlak pula. Tingkahlaku mereka sering bercirikan komitmen agama tinggi dan bermatlamatkan cita-cita perjuangan yang melintas batas sejarah duniawi yang sementara ini.

Ini berbeza dengan pendekatan sains sosial yang memberi penumpuan pada dunia sosial dan terbatas oleh perjalanan sejarah yang bersifat sementara. Pelaku sosial dari perspektif sosiologikal, jika timbul salah faham dan konflik pun, masih lagi terbuka untuk dibaik-pulih melalui pendidikan dan latihan. Manakala mereka yang terperangkap dengan kekompong kerohanian ini pula melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada ‘Jadual Tuhan’ dan wakil Tuhan di mana matlamat perjuangan mereka tidak berakhir dengan dunia ini dan ‘musuh Tuhan’ bukan orang yang boleh dididik kembali tetapi dimusnahkan sahaja.

Mengimbas kembali hujah-hujah di atas, agama boleh menjadi kuasa sebagai agen untuk mencorak, menunduk, mengugut dan memusnah orang lain demi cita-cita perjuangan mereka yang dipercayai sudah mendapat ‘restu Tuhan’ hingga peraturan dan undang-undang masyarakat di ketepikan demi mentaati autoriti Tuhan yang ada dalam imaginasi agama mereka; mesti dilaksanakan.

Takrif Agama

Saya mentakrif agama sebagai satu set keyakinan dan amalan yang seseorang individu pegang dan laksanakan secara bersendirian dan/atau bersama individu-individu lain untuk menyubur kehidupan dan berhadapan dengan cabaran hidup yang mendatang.

Pendekatan Kefahaman Agama

Ada dua pendekatan untuk memahami agama dan kedua-dua pendekatan ini perlu dibezakan; 1) Kefahaman agama sebagai mutlak dan 2) Kefahaman agama sebagai interpretatif.

Pendekatan kefahaman agama sebagai mutlak berpegang dengan status kemutlakan pada Tuhan, buku suci agama dan Nabi-Rasul. Dalam ketiadaan Nabi-Rasul seperti di akhir zaman ini, ulama, institusi dan pergerakan agama adalah pewaris kenabian-kerasulan. Manakala pendekatan kefahaman agama sebagai satu tafsiran mengutamakan pengaruh manusia ke atas tingkahlaku agama dan bukan semata-mata keagamaan dan Tuhan itu sendiri.

Mobilisasi Agama dalam Kehidupan Manusia

Pendekatan teori pilihan rasional dalam memahami bagaimana manusia memobilisasi dimensi

agama sebagai satu tafsiran mengandaikan yang setiap manusia akan membuat tindakan berdasar perkiraan rasional (Mansor Mohd Noor, 1999c dan 2000). Dia mempunyai daya inisiatif dan kreativiti yang tersendiri. Setiap individu itu berminda analitikal dan skeptikal terhadap kehidupan sosialnya. Masing-masing individu mempunyai cita-cita dan cita-rasa hidup yang berbeza. Setiap tindakan mereka bermatlamatkan untung material dan kedudukan sosial, di dunia dan di akhirat.

Setelah seseorang individu itu bertindak berdasarkan beberapa pemilihan yang terbuka kepadanya, dia akan menutup beberapa set pilihan lain dan membuka beberapa set pilihan alternatif. Tindakan mana yang akan menjadi pilihan akhirnya adalah fungsi sentiment dirinya berdasar perkiraan untung-rugi dan keyakinan yang dia pegang terhadap rakan sebayanya.

Apabila seseorang itu bertindak di atas pilihan yang dibuat, dia akan berhubungan dengan individu-individu lain, membina ikatan sosial di dalam proses perhubungan ini, dan perhubungan sosial ini mungkin lebih mempengaruhi daripada tuntutan ikatan asas dengan ahli-ahli dari kumpulan yang sama.

Tetapi setelah seseorang individu itu gagal untuk memperolehi ganjaran material dan kedudukan sosial yang diharapkan itu secara individu, dia akan mengembeling dimensi kumpulan seperti etnik, ras, bangsa, status sosial, kelas, ikatan profesional, parti politik dan berbagai lagi. Namun pada akhirnya, apabila nyata ruang sosial dan dimensi duniawi sudah tidak boleh menjadi tempat pergantungan untuk memenuhi cita-cita hidup and cita-rasa mereka, agama dan akhir sekali, Tuhan akan digembelingkan bagi mencapai matlamat peribadi itu.

Buat Kerja Syaitan Guna Nama Tuhan

Untuk memahami bagaimana pelaku dan pergerakan-komuniti yang mendokong dari belakang pelaku yang terlibat dengan ekstremisme agama itu boleh terlibat dengan melakukan kerja syaitan dengan menggunakan nama Tuhan, kita perlu memahami dari perspektif sosiologikal bagaimana imaginasi agama digunapakai oleh pergerakan-komuniti agama, kepimpinan dan pengikut-pengikut untuk membentuk set minda mereka itu (Zabidi Mohamed, 1998 dan 2003).

Pembentukan Pergerakan Agama

Setiap pergerakan bermula dengan jumlah pengikut yang kecil, berkembang melalui pertambahan ahli dan kegiatan yang dijalankan serta diikat oleh satu harapan besar yang pergerakan mereka itu menuju ke arah matlamat perjuangan yang dicita-citakan; mencari keredhaan Allah.

Di peringkat majlis pengajian agama, seringkali mana-mana pergerakan agama bermula dari satu kumpulan yang kecil sekitar 10 hingga 20 pengikut dengan bermatlamatkan hanya untuk mempelajari, menghayati dan mengamalkan ilmu agama dari setiap kelas pengajian agama yang disusun oleh guru merangkap ketua di dalam kumpulan itu. Kesedaran dari majlis ilmu ini berkembang dari memikirkan untuk menebus dosa dan keselamatan diri sendiri dari seksa azab api neraka kepada keselamatan ahli keluarga.

Dalam peringkat kedua, demi memastikan kepentingan diri dan keluarga itu dapat dikembangkan dan diperkukuhkan, kelompok majlis pengajian agama ini akan membina sebuah komuniti supaya kepentingan pendidikan dan ekonomi dapat dibangun untuk menjamin kehidupan dunia dan akhirat mereka.

Dengan terbangunnya komuniti mereka sendiri, di peringkat ketiga akan diberi keutamaan untuk menambah ahli pergerakan. Program-program kesedaran, kefahaman dan penghayatan agama akan

dijalankan untuk mencari ahli dan simpati baru. Melalui kegiatan yang diadakan di pejabat, sekolah, universiti dan di komuniti mereka sendiri, pergerakan-komuniti agama ini akan mampu menarik ahli-simpaty baru ke sekitar 500-1000 orang.

Dengan penerusan program mencari ahli, di peringkat ke empat kegiatan-kegiatan baru dengan memberi penekanan kepada ekonomi dapat dijalankan. Dengan keahlian bertambah ke sekitar 1000-5000 orang, kegiatan-kegiatan seperti menerbit majalah, akhbar dan buku, menghasil produk tani, memberi perkhidmatan klinik dan hospital bersalin, mengadakan persembahan kebudayaan dan penjualan kaset-kaset, ceramah, puisi serta nyanyian agama dapat diedar ke tengah masyarakat awam. Di peringkat ini, kegiatan pergerakan ini sudah tersebar ke seluruh Negara

Kegiatan-kegiatan ini merupakan manifestasi majlis pengajian agama mereka dan merupakan contoh terbaik bagi masyarakat di luar pergerakan agama ini untuk menilai perjuangan mereka dalam menegak perintah Tuhan dan Rasul. Program pengajian dan kesedaran yang disusun berserta kegiatan-kegiatan yang dijalankan itu akan memudahkan lagi pergerakan agama ini melebar sayapnya, bukan sahaja dari segi meningkatkan jumlah ahli dan simpaty tetapi juga untuk bergerak di peringkat luar negara; di negara berjiran dan ke peringkat dunia. Di peringkat kelima ini, dengan ahli sekitar 5000- 10,000 orang, pergerakan ini akan keluar berdakwah dan menjalankan kegiatan ekonomi ke peringkat global.

Di peringkat ke enam, pengukuhan pergerakan akan dibuat demi menambah ahli dan membina cawangan-cawangan di seluruh pelusuk dunia ini. Setelah keahlian meningkat sekitar 15,000-20,000 orang, pergerakan agama ini sudah mampu membina dua hingga tiga buah perkampungan mereka di setiap negeri, begitu juga dengan mengadakan majlis pengajian agama, kemudahan persekolahan dan latihan perguruan, kedai, klinik bersalin, persembahan kebudayaan dan lain- lain. Pengguna-pengguna perkhidmatan pergerakan ini, termasuk majlis keagamaan, sudah tidak terbatas kepada ahli dan simpaty kumpulan itu sahaja tetapi telah menjadi tempat tumpuan dan perlindungan bagi ahli-ahli masyarakat di luar pergerakan agama itu juga.

Ahli-ahli pergerakan agama itu, masyarakat yang menumpang perkhidmatan mereka dan yang bermusuhan dengan mereka pun telah menerima kemampuan pergerakan itu untuk melaksanakan perintah Tuhan dan Nabi dengan sepenuhnya. Pergerakan agama itu sudah diiktiraf dan diterima sebagai “*role model*” terbaik dalam melaksana kehendak, perintah dan Jadual Tuhan dan agama di atas muka bumi ini.

Di peringkat ke tujuh, pergerakan ini sudah bergerak sebagai ‘kerajaan kecil dalam kerajaan’ di negaranya sendiri. Dengan kedudukan material dan pengaruh yang kuat, kecenderongan pergerakan agama untuk memutlak dan memoralkan setiap perjalanan pergerakan mereka pasti berlaku. Pergerakan ini akan mentafsir bahawa pergerakan dan komuniti mereka telah sudah diwarnai dengan nilai kerohanian dan kesempurnaan dengan kehendak Tuhan.

Namun, perlu diingat perkembangan pergerakan ini juga membawa ia untuk pertembungan dengan pihak agama dalam masyarakat perdana dan kerajaan itu sendiri. Perhubungan baik-tegang dengan kerajaan senegara boleh mempengaruhi pergerakan ini untuk bersifat lebih ekstremisme pula terutama apabila kepimpinan dan pergerakan dijadikan bahan hempakan oleh kerajaan demi menjadi kuasa politiknya.

Walau bagaimanapun, di peringkat ke tujuh perkembangan pergerakan ini, mereka sudah menjadi teras pengukuran kebaikan dan penerimaan oleh masyarakat, agama dan Tuhan. Pada masa itu, sesiapa yang menentang mereka dianggap menentang Tuhan dan Rasul; hukuman kemurkaan Tuhan ke atas musuh agama seperti itu pasti dibayar dengan tunai dan disegerakan di dunia ini lagi dan di akhirat, neraka pasti tempat kesudahannya.

Membentuk Pucuk Kepimpinan

Sepertilah dengan transformasi yang dilalui oleh pergerakan agama itu, barisan kepimpinannya pun melalui proses memartabatkan diri; dari seorang manusia biasa ke manusia Super.

Pada peringkat awal pergerakan agama itu, pucuk kepimpinannya adalah seorang biasa, setaraf dengan rakan-rakan awal dalam majlis pengajian agamanya. Mereka ke semuanya mahu menyelamatkan diri dari terus terlibat dalam kancas dosa kehidupan di dunia ini dan sentiasa mahu mencari rahmat dan keredhaan Tuhan. Keilmuan agama dan kegigihan yang ada pada guru itu telah menyebabkan dia diiktiraf, bukan sahaja sebagai guru agama tetapi juga sebagai guru agama yang sangat tekun dalam melaksanakan tugas dan agamanya.

Pengiktirafan ini akan terus meningkat, di mana dia akan digambarkan sebagai seorang guru agama yang berakhlak mulia dan bertaqwa. Setiap tingkahlakunya adalah selari dengan perintah agama; akhlak diri penyayang, pemurah dan pemaaf dan amalan syariat hidupnya lebat.

Kejayaan pergerakan agamanya meluas dan banyaknya majlis-majlis pengajian agama dijalankan, begitu juga kegiatan-kegiatan yang menyubur kehidupan masyarakat melalui persekolahan, ekonomi, media massa dan kebudayaan telah menyebabkan pucuk kepimpinan pergerakan itu dikaitkan sebagai seorang pejuang yang datang untuk mempertahankan kemuliaan agama itu sendiri di era ini.

Dengan meluasnya pengaruh pergerakan itu, bukan sahaja dari segi rantai pergerakan dari dalam negeri ke peringkat antarabangsa, tetapi juga pengukuhan pengaruh dan kedudukannya di dalam negara itu sendiri, berita-berita akan sifat kewalian pucuk kepimpinan itu akan digembar-gemburkan berdasar kehebatan ilmu dan perjuangannya yang sentiasa mendapat keberkatan dari Tuhan; di hujung proses pembinaan imej kepimpinan ini dia sudah dianggap sebagai seorang Wali Tuhan yang pasti akan diberi bantuan dalam kehidupan dan perjuangannya.

Di peringkat martabat tertinggi pemimpin pergerakan agama ini, ada pemimpin ini akan mengaku yang mereka itu adalah Nabi, Rasul atau Tuhan itu sendiri. Walau bagaimanapun, dalam agama Islam pengakuan menjadi Tuhan mungkin tersangat jarang berlaku tetapi ia tidak sedemikian dengan agama Kristian di mana David Koresh dari kumpulan Waco Cult dan James Jones di Guyana pernah mengaku diri mereka adalah Nabi Isa yang dibangkitkan semula di akhir zaman ini.

Namun begitu, ini tidak bermakna yang pemimpin pergerakan agama Islam tidak terlepas dari membuat pengakuan yang mereka itu adalah wakil Tuhan di muka bumi ini seperti mana yang terjadi kepada pucuk kepemimpinan Jemaah Darul Arqam yang mengaku dirinya adalah orang kanan kepada Imam Mahdi.

Proses transformasi memartabat kepimpinan ini bermakna di akhir proses ini, pucuk kepimpinan itu sudah berada di pucak kerohanian; dia suci murni, berakhlak, orang yang hampir dengan Tuhan dan sentiasa diberi bantuan kerohanian.

Pengukuhan Martabat Kepimpinan Pergerakan

Proses memartabatkan guru agama kepada bersifat ketuhanan itu dibina melalui tafsiran pengalaman kerohanian yang dilaluinya. Pada peringkat awal perjuangan, setiap tindakan pemimpin pergerakan agama itu dikatakan dibantu oleh Tuhan melalui perasaan hatinya yang dianggap bersih dari kekotoran dosa.

Setelah perjuangan dan ujian hidupnya meningkat, taraf kewaraqan pada dirinya sering dikaitkan dengan kemampuan yang ditonjolkan olehnya dalam mengurus perjuangannya; kehebatan dan kemampuan luar

biasa itu dikaitkan dengan kewaliannya. Seseorang Wali Allah sudah pasti akan dibantu oleh Allah melalui penganugerahan karomah, hati yang bersih sudah mampu menyingkap alam kerohanian. Hati yang kasyaf mampu membaca dunia ini dengan tepat dan dia boleh berhubungan dengan wali-wali lain di alam ghaib.

Perhubungan satu hala dengan alam kerohanian melalui hati yang bersih telah berubah melalui perhubungan dua hala. Ilmu yang dimiliki dan setiap tindakannya mendapat bantuan dan pertunjuk dari Nabi dan Rasul.

Taraf kewalian dicapai pemimpin pergerakan agama itu, memudahkan lagi untuk mendapat sentuhan terus dari Tuhan, bukan dari segi hubungan fizikal tetapi yang tersirat di mana tingkahlaku dan tindakannya dikatakan bebas dari membuat kesalahan; terkawal dengan keizinan Tuhan.

Pada masa ini, cerita-cerita tentang sejarah hidupnya, ibu bapa, keluarga terdekat dan guru-gurunya akan digembar-gemburkan demi membina imej agama, ketokohan dan kedudukan dia di sisi agama dan Tuhan. Jika pergerakan ini mengamal tarekat, guru agama yang pada asalnya seorang murid kepada seorang Sheikh tarekat, akan diishtihar sebagai pengganti Sheikh tarekat itu. Dengan pengishtiharan itu, setiap pengikut pergerakan itu 'wajib menyerahkan dirinya seperti mayat menyerahkan diri mereka pada tukang mandi'.

Peningkatan martabat kepimpinan agama itu terus terjadi, dia dikaitkan sudah boleh berhubungan dengan alam ghaib dan ada yang mengaku sudah boleh beryakazah dalam keadaan sedar dengan Nabi dan Rasul. Dalam pergerakan agama berteraskan agama Islam, pengakuan yang kepimpinannya boleh berhubungan dengan Tuhan mungkin tidak akan berlaku, tetapi kejadian seperti itu pernah tercatat juga dalam lipatan sejarah pergerakan agama lain (Stern, 2003 & Naipul, 1981).

Perlu kita ingat di hujung proses memartabatkan kedudukan guru- pemimpin pergerakan agama itu, tarafnya sudah berubah jauh dari seorang manusia biasa yang mengajar agama kepada berakhlak mulia hingga menjadi seorang supra-kerohanian; sudah sampai peringkat mustahil dia boleh berbuat salah adalah tanggapan yang sering dilontar tentang kewibawaannya.

Pembentukan Pengikut Pergerakan

Pengikut dan simpati yang datang kepada majlis pengajian agama dan menggunakan khidmat kegiatan-kegiatan dari pergerakan itu, pada awalnya mengutamakan pembersihan dosa diri dan keselamatan di akhirat. Tetapi kemampuan pergerakan itu menghidangkan agama melintasi batas ritual-pengibadatan dan retorik semata-mata kepada tafsiran untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat dengan wujudnya pelbagai kegiatan secara progresif telah mendorong pengikut dan simpati perjuangan itu untuk terus berjuang bersama pergerakan itu; mereka berkeyakinan kepentingan akhirat sudah selesai dan kepentingan dunia tersusun-bersistem pula. Ini menyebabkan perkiraan dunia berteraskan mengejar material dan kedudukan sosial serta perkiraan mengejar keselamatan di akhirat dapat dicapai keduanya sekaligus.

Di akhir kurun yang lepas, sama ada mengikut perkiraan tahun Hijrah atau Masehi, banyak tekaan dibuat yang agama Islam akan kembali gemilang di awal kurun ini. Bagi saya perbincangan tentang akhir zaman dengan kedatangan Imam Mahdi bagi orang Islam dan kedatangan Nabi Isa bagi orang Kristian menjadi pendorong kuat ke atas komitmen perjuangan mereka ini. Janji yang hampir tiba itu dikait dengan kedatangan Imam Mahadi dan Nabi Isa. Tetapi pendorong terpenting ialah akan terbentuknya pemerintahan Tuhan di bumi ini di mana pemimpin dan pengikut pasti akan diberi tugas besar dan menjadi orang ternama di dunia.

Pengikut dan simpati datang ke majlis pengajian untuk membersihkan dosa diri mereka. Tetapi di hujung perjalanan perjuangan mereka, walaupun ganjaran akhirat masih dijamin tetapi pendorong terpenting yang menyebabkan mereka berjuang dengan gigih dan komited itu adalah kerana mengejar pangkat dan material di dunia ini semata-mata.

Penguksuhan dan Kawalan ke Atas Pengikut Pergerakan

Manusia mempunyai pilihan hidup dan bebas bertindak berdasar kepentingan diri mereka sendiri. Namun begitu, latihan yang diperolehi dalam sesebuah pergerakan agama itu, walaupun bersifat moral dan suci kerohaniannya, seringkali mendidik pengikut-pengikut mereka supaya berpegang kepada budaya ‘saya dengar dan saya taat’ tanpa banyak persoalan.

Kongkongan kerohanian seringkali menjadi alat pendidikan ke atas ahli-ahli mereka supaya tingkahlaku ahli-ahli ini hanya bersikap untuk patuh melaksana perintah pemimpin dan agama mereka semata-mata. Pengikut dan simpati datang ke komuniti-pergerakan agama itu untuk membersihkan dosa diri. Keyakinan terhadap agama mesti kental. Kegagalan mentaati perintah pemimpin, pergerakan dan Tuhan dikaitkan dengan mendapat kemurkaan Allah dan pasti bantuan BarakahNya akan terputus. Mereka yang mendapat kemurkaan dan terputus barakah dari Tuhan pasti hidupnya akan penuh dengan kesengsaraan di atas muka bumi ini lagi.

Apabila seseorang pengikut itu berterusan dengan sikap mempersoal kehendak pemimpin, pergerakan dan Tuhan, ini akan menjurus ke arah penipisan keimanan dan, mungkin, memurtadkan atau, lebih parah lagi, terus jatuh kufur dan di akhirat nanti tempatnya bukan di syurga tetapi neraka yang amat seksa azabnya.

Proses kawalan kerohanian ini ke atas pengikut dan simpati pergerakan-komuniti agama itu akan memudahkan dia melaksana suruhan pemimpin, pergerakan dan agamanya. Tetapi jika pucuk kepimpinan itu mempunyai agenda selain daripada mencari keredhaan Allah, pendidikan ke atas pengikut sedemikian akan memerangkap dirinya dalam manipulasi guru-pemimpinnya.

Kesan Kawalan Kerohanian ke Atas Pengikut dan Simpati Pergerakan

Proses pembinaan imej pergerakan dan pucuk kepimpinan dengan pemilikan martabat kerohanian yang suci dan murni itu serta penekanan kawalan kerohanian ke atas pengikut-simpati dalam pergerakan itu telah melahirkan ahli-simpati yang pandai mengikut arahan tetapi terbunuh daya dan kreativiti mereka. Malahan mereka sudah hilang kemampuan untuk beranalitikal, jauh sekali bersikap skeptik. Mereka hanya mampu untuk menjadi pengikut yang mengikut buta tuli kehendak ketua mereka sahaja.

Mereka sudah hilang ciri-ciri seorang manusia normal; hilang pelbagai cita-cita hidup dan cita-rasa diri kecuali mengikut tanpa bahas apa yang dilakukan oleh pemimpin mereka. Dalam suasana set minda sedemikian agak sulit untuk berbincang dan membawa perubahan ke atas pemikiran mereka kerana kedinamikan seorang manusia biasa sudah hilang; dia sudah mengalami “*permanent head damaged*” (PHD).

Mengatasi Manipulasi dan Ekstremisme Agama

Seringkali ekstremisme berlaku dalam masyarakat apabila persoalan kemiskinan, peminggiran hidup dan maruah diri berhadapan dengan ketidakadilan dan kezaliman. Yang merumitkan lagi ekstremisme agama adalah perkiraan politik kepimpinan pergerakan itu dibentang kepada pengikut dan simpati mereka bersarongkan tuntutan morality dan kemutlakan yang lahir dari tafsiran agama yang sempit. Dimensi agama tanpa disedari oleh pengikut-simpati pergerakan itu telah dijadikan alat dan hujah untuk

menggembelingkan mereka untuk berjuang atas dasar mencari keredhaan Tuhan dan agama. Tetapi niat murni mereka berakhir dengan hanya memenuhi objektif duniawi pemimpin pergerakan mereka yang telah mengubah niat awalnya dari mencari keredhaan Allah ke mengejar kekuasaan dan berkepentingan material di dunia ini sahaja.

Untuk mengatasi manipulasi dan ekstremisme dalam agama, pendidikan agama perlu diimbangi dengan skema konseptual dan teoritikal sains sosial, supaya analisis yang dilakukan akan mengikat hujah bersumberkan agama dengan analitikal saintifik yang sosiologikal agar penjelasan yang dilakukan itu berteraskan rasionaliti dan objektiviti.

Teras penganalisaan saintifik ini perlu mengambilkira keterbatasan manusia itu yang hanya mampu memperbahaskan tentang ‘apa manusia kata Tuhan kata sahaja dan bukan apa Tuhan kata’. Wacana manusia tentang Tuhan dan agama adalah hanya interpretatif, relatif, dan spekulatif dan bukan bersifat mutlak seperti yang disangka dimiliki oleh ustaz, tok guru dan kiyai.

Namun begitu, kerangka konseptual dan teoritikal sains sosial barat perlu diubah-sesuai kerana kebanyakan ilmu sosiologi agama yang ada sekarang masih dibayangi oleh pengaruh Reformasi Gereja yang berpendapat agama dan Tuhan adalah konstruksi sosial manusia semata-mata dan dari segi pemerintahan masyarakat dan negara perlu dipisah dari politik. Walhal, persoalan agama sebagai satu mekanisme yang mengatur dan menyatupadu ahli-ahli yang pelbagai kepentingan dalam masyarakat hingga tersusun satu moral order tidak dapat dinafi.

Malaysia adalah sebuah negara contoh yang berjaya dalam mengurus dimensi agama dalam tadbirurus negaranya. Malaysia tidak menerima acuan politik pemerintahan barat yang memisah agama dari politik pemerintahan dan layak hanya diletak di gereja sahaja. Malaysia juga tidak menerima acuan kumpulan beragama dalam pemerintahan seperti di Iran dan yang diperjuang oleh PAS dan Al Arqam, di mana pucuk pemimpin agama pergerakan itu yang akan menjadi kata pemutus kepada urusan pentadbiran negara.

Acuan kerajaan Malaysia tidak seperti barat kerana agama adalah satu daripada dimensi teras dalam pemerintahan negara dan juga tidak mengikut kehendak kumpulan agama kerana pemutus keputusan pemerintahan terletak di tangan kerajaan dan bukan ustaz, tok guru dan kiyai. Malaysia memberi ruang untuk wacana manusia tentang agama diperbahaskan dalam majlis ilmu, ceramah dan seminar tetapi hanya menerima tafsiran yang diterima oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Fatwa-fatwa yang dipersetujui ini akan dipindahkan ke dalam pelan tindakan oleh bahagian-bahagian di Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam negara seperti dengan tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa, Takaful Islam, pajak gadai Islam, sekolah menengah agama, etika pentadbiran dan perniagaan dan berbagai lagi.

Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ini dalam mengurus agama dalam pemerintahan dan menangi ekstremisme dan keganasan agama telah berjaya mengasing komponen sensitif dan emotif dalam agama dari ruang umum dalam masyarakat dan pemerintahan negara. Kesan akhirnya adalah agama boleh berperanan ke arah pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negara dan kedudukan asasnya dalam kehidupan manusia terus kekal terjamin.

KESIMPULAN

Saya perakui yang Tuhan, kitab yang diwahyukan dan para Nabi dan Rasul adalah mutlak. Tetapi wacana manusia tentang Tuhan, Kitab dan Rasul adalah hanya satu tafsiran yang bersifat interpretatif, relatif dan spekulatif. Wacana manusia tidak boleh menilai wahyu dan kemutlakan di dalamnya. Ini menjadi

sifat ilmu itu bersifat dinamik. Ini bermakna tindakan agama mesti diukur dengan kerangka ilmu yang saintifik.

Saya berpendapat kita mesti memperkasa individu bukan sahaja dengan wacana wahyu tetapi juga dengan kerangka pemikiran saintifik untuk memahami agama agar kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan dunia dan akhirat dapat dijamin; dan bukan menjadi tukang pak turut orang lain.

Akhir kata, saya berpendapat pengajian agama mesti disepadukan dengan ilmu sains sosial dan sosiologi agama. Perbahasan agama mesti dianalisa juga dari perspektif sosiologikal untuk memberi kemahiran ilmu kepada pengkaji agama agar mampu membezakan di antara apa Tuhan kata dan apa manusia kata. Tuhan kata bukan satu perkara yang mestinya sama. Ini boleh mengelak pengamal agama dari dimanipulasi oleh golongan agama yang berkepentingan material dan kuasa duniawi semata-mata. Menyedar yang imaginasi agama boleh dicorak ke kanan atau kiri, maka keselamatan orang beragama adalah untuk memiliki ilmu yang seimbang di antara wacana wahyu dan wacana manusia.

RUJUKAN

- Kurtz, Lester. (1995). *Gods in global village*. Thousands Oak, Calif: Pine Forge Press.
- Mansor Mohd Noor. (1999a). Crossing ethnic borders in Malaysia: Measuring the fluidity of ethnic boundary and group formation. *Akademika* 55 (Julai):61-82.
- _____. (1999c). International models of inter-religious dialogues: Ethics and business from a Muslim perspective” in Sybille Fritsch-Oppermann (Ed.) *Religionen und Wirtschaftsethik-Wirtschaftsethik in den Religion*, Loccum: Evangelische Akademie.
- _____. (2000). Social Conflicts in Indonesia and Malaysia: Could the Cause be Religious?. *Jurnal Kajian Malaysia*, 1 & 2:188-206.
- Naipul, Shiva. (1981). *Black and white*. London: Hamish Hamilton.
- Singh, Bilver. (2003). *ASEAN, Australia and the management of the Jemaah Islamiyah threat*. Canberra: Australlian National University.
- Simmel, George. (1971). *On individuality and social forms*. Chicago: University of Chicago Press.
- Stern, Jessica. (2003). *Terror in the name of god: Why religious militants kill*. New York: HarperCollins.
- Zabidi Mohamed. (1998). *Tersungkur di pintu 'syurga': The untold truth and inside story of Al Arqam and I.S.A. (Detention without trail)*. Kuala Lumpur: Zabidi Publication.
- _____. (2003). *Maunah: Kebenaran yang sebenar*. Kuala Lumpur: Zabidi Publication.